

Bangga jika rakyat maju

Oleh **BADRULHISHAM OTHMAN**

KUALA LUMPUR, Ahad — Sebarang usaha dan pengorbanan pemimpin-pemimpin negara adalah untuk membentuk sebuah negara yang maju bersama rakyatnya yang membangun, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, sebagai pemimpin, mereka tidak mahu memimpin sebuah negara yang 'bankrap', kerana tidak akan ada rasa 'penghargaan diri' sekiranya terus mengejutai rakyat yang susah tanpa sebarang perubahan.

Beliau berkata demikian sebagai membidas golongan yang sering mengaitkan usaha-usaha pemimpin negara dengan kepentingan peribadi, ketika berucap di perasmian Dewan Serbaguna Taman Seri Keramat, sempena lawatan secharinya ke Selangor.

"Sebagai pemimpin, kita tidak boleh berbangga jika rakyat tinggal dalam pondok-pondok kecil di kawasan-kawasan setinggan dan merana dalam negara yang daif.

"Menjadi pemimpin yang boleh berbangga dengan kebolehan bangsa dan negara mereka adalah hasrat sebenar semua pemimpin," tambahnya.

Bukan parti tamak

Oleh itulah, kerajaan Barisan Nasional berusaha dengan gigih untuk membangunkan rakyat, terutama di kampung-kampung yang ketinggalan.

"Kita tidak mahu mereka terus tinggal di kawasan yang tidak mempunyai kemudahan seperti bekalan air, api dan kemudahan lain.

"Sekiranya keadaan seperti itu berterusan di seluruh negara ini, maka pemimpin-pemimpin kita akan malu, terutama apabila pemimpin-pemimpin negara lain datang melawat," tegasnya.

Sebelum itu, Perdana Menteri, berkata Umno bukanlah sebuah parti politik yang tamakkan kuasa, malah ia sanggup bekerjasama dengan sebarang parti untuk menjamin kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.

Beliau berkata, sejarah membuktikan bahawa parti itu sanggup bekerjasama dengan parti-parti yang pernah menentang Perikatan, termasuk Pas selepas 'Peristiwa 13 Mei 1969'.

"Ini dilakukan oleh Umno atas kesedaran bahawa rakyat akan menubuhkan kerajaan melalui parti yang dipilih oleh mereka," tambahnya.

Katanya, perjuangan Umno tidak semata-mata tertumpu kepada kepentingan orang Melayu.

"Atas dasar itulah, sejak memperjuangkan kemerdekaan hingga sekarang, Umno sentiasa bekerjasama dengan pelbagai parti politik daripada kaum-

kaum lain dalam Barisan Nasional (sebelumnya Perikatan) untuk menadbirkan negara.

"Ini adalah satu kebenaran, malah dalam lagu Umno sendiri ia menyebutkan bahawa ia akan terus mara untuk rakyat Malaysia. Apa yang penting bagi Umno ialah berkhid-

mat untuk rakyat," tegasnya.

Katanya, Umno pada awal-awal lagi sudah bekerjasama dengan MCA dan MIC untuk memperjuangkan kemerdekaan.

"Apabila Malaysia ditubuhkan, Umno sanggup pula bekerjasama dengan parti-parti di Sabah dan Sarawak," ujar Datuk Seri Dr Mahathir.

Dihormati

Perdana Menteri juga menegaskan bahawa Barisan Nasional ingin berkhidmat kepada rakyat supaya negara menjadi aman, makmur dan dihormati di seluruh dunia.

Katanya, kemerdekaan tidak mempunyai sebarang erti jika ia tidak disertai dengan pembangunan yang dapat dinikmati oleh rakyat.

"Malaysia juga tidak sepatutnya menghadapi masalah walaupun ia mempunyai penduduk berbilang kaum. Malah segala keistimewaan yang ada pada setiap kaum itu perlu digabungkan supaya ia menjadi satu 'tangan raksasa' bagi membangunkan negara.